



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



REKONSTRUKSI STRUKTUR SOSIAL KRT BAGI PENGUKUHAN TADBIR URUS KEJIRANAN: IMPLIKASI TERHADAP PERANCANGAN DASAR MALAYSIA

RECONSTRUCTING THE SOCIAL STRUCTURE OF KRT FOR STRENGTHENING NEIGHBOURHOOD GOVERNANCE: IMPLICATIONS FOR MALAYSIA'S POLICY PLANNING

Mohd Sobhi Ishak^{1*}, Shamsul Amri Baharuddin², Mohd Mahadee Ismail³, Aidi Ahmi⁴,
Azizah Sarkowi⁵, Mohd Herry Mohd Nasir⁶, Ahmad Zul Hakimi Hassim⁷

¹ Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 msobhi@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-1516-5652>

² Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 abshamsul@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0006-8791-8878>

³ Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

 mahadee@upm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-4453-7742>

⁴ Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

 aidi@uum.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8488-6966>

⁵ Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia

 azizah.sarkowi@ipgm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8058-8371>

⁶ Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

 herry@uum.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8711-0020>

⁷ Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

 zulhakimi@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-6345-4657>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.12.2025

Revised date: 11.01.2026

Accepted date: 02.02.2026

Published date: 05.03.2026

Abstrak:

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan institusi sosial akar umbi yang mempunyai liputan paling luas dalam rangka pembangunan perpaduan negara di Malaysia. Namun, perubahan gaya hidup moden, peningkatan stratifikasi sosioekonomi dan pemudaran norma kejiwaan tradisional telah mengubah dinamika sosial komuniti setempat, sekali gus memberi kesan terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan

To cite this document:

Ishak, M. S., Baharuddin, S. A., Ismail, M. M., Ahmi, A., Sarkowi, A., Mohd Nasir, M. H., & Hassim, A. Z. H. (2026). Rekonstruksi Struktur Sosial Krt Bagi Penguatan Tadbir Urus Kejiranan: Implikasi Terhadap Perancangan Dasar Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 86-104.

di peringkat akar umbi. Walaupun KRT sering dinilai sebagai pelantar pelaksanaan program perpaduan, analisis empirikal terhadap struktur sosial KRT sebagai asas keberkesanan dasar masih terhad. Schubungan itu, kajian ini bertujuan menilai struktur sosial KRT melalui tiga dimensi utama iaitu institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial bagi memahami implikasinya terhadap tadbir urus kejiaran dan perancangan dasar negara. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan campuran yang melibatkan tinjauan nasional terhadap 4,264 responden daripada 32 KRT progresif di seluruh Malaysia, disokong oleh sesi perbincangan kumpulan berfokus bersama pemimpin komuniti dan pegawai kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan penyertaan komuniti yang dipengaruhi oleh perbezaan kedudukan ekonomi, kepekatan peranan kepimpinan dalam kelompok tertentu serta kemerosotan amalan sosial harian seperti budaya memberi salam, membantu jiran dan gotong royong. Keadaan ini mencerminkan tanda awal gejala anomie pada peringkat komuniti yang berpotensi melemahkan keberkesanan pelaksanaan dasar berasaskan penyertaan. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini mengemukakan implikasi dasar yang konkrit, termasuk keperluan membangunkan sistem data sosial KRT di peringkat nasional, reka bentuk program yang disesuaikan dengan variasi lokaliti serta penguatan kepimpinan rentas generasi sebagai intervensi strategik. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa KRT merupakan infrastruktur sosial kritikal yang perlu diintegrasikan secara sistematik dalam perancangan dasar negara bagi memastikan pelaksanaan dasar perpaduan dan pembangunan sosial yang lebih inklusif, berasaskan bukti dan mampan.

DOI: 10.35631/IJLGC.1143008

Kata Kunci:

Institusi Sosial, Kawasan Rukun Tetangga, Norma Sosial, Perpaduan, Stratifikasi Sosial

Abstract:

The Neighbourhood Watch Areas is a grassroots social institution with the widest reach within Malaysia's national unity development framework. However, changes in modern lifestyles, increasing socioeconomic stratification, and the erosion of traditional neighbourhood norms have altered local community social dynamics, thereby affecting the effectiveness of government policy implementation at the grassroots level. Although KRT is often assessed as a platform for implementing unity programmes, empirical analysis of its social structure as a foundation for policy effectiveness remains limited. Accordingly, this study aims to examine the social structure of KRT through three key dimensions: social institutions, social stratification, and social norms to understand their implications for neighbourhood governance and national policy planning. This study adopts a mixed-methods research design involving a nationwide survey of 4,264 respondents from 32 progressive KRTs across Malaysia, supported by focus group discussions with community leaders and government officials. The findings reveal imbalances in community participation influenced by differences in economic position, the concentration of leadership roles within specific groups, and the decline of everyday social practices such as greeting neighbours, mutual assistance, and communal activities. These conditions reflect early signs of anomie at the community level, which have the potential to weaken the effectiveness of participation-based policy implementation. Based

on these findings, the study proposes concrete policy implications, including the need to develop a national-level KRT social data system, the design of programmes tailored to local variations, and the strengthening of intergenerational leadership as a strategic intervention. Overall, this study emphasises that KRT constitutes a critical social infrastructure that must be systematically integrated into national policy planning to ensure more inclusive, evidence-based, and sustainable implementation of unity and social development policies.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcllence.com

Keyword:

Neighbourhood Watch Areas, Social Institutions, Social Norms, Social Stratifications, Unity

Pengenalan

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan antara institusi sosial komuniti yang paling lama beroperasi dan paling hampir dengan rakyat sejak penubuhannya pada tahun 1975. Pada peringkat awal, KRT berfungsi sebagai mekanisme keselamatan komuniti pasca ketegangan etnik, sebelum berkembang menjadi institusi akar umbi yang menyokong jaringan sosial, membina kesepaduan komuniti dan menjadi penghubung antara kerajaan dengan masyarakat setempat (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024; Carrasco, Rahemtulla & Rohdewohld, 2021; Kaspin, Rahman & Lee, 2023). Kedudukan ini menjadikan KRT sebagai salah satu infrastruktur sosial kerajaan yang signifikan dalam menyokong agenda perpaduan dan pembangunan sosial negara.

Namun, perubahan sosial yang pesat dalam beberapa dekad kebelakangan ini telah mengubah secara ketara dinamika kehidupan kejiwaan. Perubahan gaya hidup moden, peningkatan stratifikasi sosioekonomi, mobiliti sosial yang tinggi serta tekanan kehidupan bandar telah mempengaruhi corak interaksi sosial dalam komuniti setempat (Hassan et al., 2023). Kajian empirikal menunjukkan penurunan amalan sosial harian seperti memberi salam, gotong royong dan saling membantu antara jiran, terutamanya di kawasan bandar dan perumahan berstrata (Yaakob, Ismail & Brahim, 2023). Perubahan ini bukan sahaja mencerminkan peralihan nilai sosial, malah memberi implikasi langsung terhadap keberkesanan dasar perpaduan yang berasaskan penyertaan komuniti.

Dari perspektif sosiologi, keberkesanan sesebuah institusi sosial bergantung kepada keupayaannya mengekalkan aturan norma dan peranan sosial secara konsisten (Giddens & Sutton, 2021), serta membina rangka hubungan yang stabil bagi menyokong tindakan kolektif (Coleman, 2004). Dalam konteks KRT, jurang stratifikasi sosial seperti perbezaan pendapatan, tahap pendidikan dan kedudukan pekerjaan didapati membentuk pola penyertaan yang tidak seimbang dalam organisasi komuniti (Tedong, Grant & Abd Aziz, 2014; McPherson, Smith-Lovin & Cook, 2001). Keadaan ini menunjukkan bahawa struktur sosial dalaman komuniti memainkan peranan penting dalam menentukan keupayaan KRT untuk berfungsi secara inklusif dan berkesan.

Pada masa yang sama, pemudaran norma sosial harian mencerminkan tanda awal gejala anomi, iaitu keadaan apabila nilai bersama tidak lagi berfungsi sebagai panduan utama tingkah laku sosial (Durkheim, 2019). Kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa kelemahan norma sosial boleh mengurangkan kawalan sosial tidak formal dan seterusnya menjejaskan keupayaan institusi komuniti memobilisasi penduduk bagi menyokong pelaksanaan dasar kerajaan (Burke & Young, 2011; Hedayati-Marzbali, Abdullah & Sadatmousavi, 2021). Dalam konteks ini, KRT perlu difahami bukan sekadar sebagai pelaksana program, tetapi sebagai struktur sosial mikro yang mencerminkan realiti hubungan sosial, ketidaksamaan dan norma dalam komuniti.

Walaupun KRT sering dirujuk sebagai pelantar utama pelaksanaan program perpaduan dan pembangunan sosial (How & Hun, 2021; Parlimen Malaysia, 2024), kajian terdahulu masih menilai keberkesanan KRT berdasarkan output program dan aktiviti, bukannya melalui analisis struktur sosial yang mendasari institusi tersebut (Ahmad Zaharuddin Sani & Nur Syafiqah, 2016, Embong, 2022). Kekurangan analisis ini berisiko menghasilkan pendekatan dasar yang bersifat seragam dan kurang responsif terhadap variasi sosial antara KRT bandar, luar bandar dan kawasan kos rendah (Lim et al., 2017; Kurtenbach, 2024). Sehubungan itu, kajian ini secara umumnya bertujuan menilai struktur sosial dalam KRT melalui tiga dimensi utama iaitu institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Penilaian ini penting untuk memahami bagaimana dinamika sosial komuniti mempengaruhi keberkesanan program kerajaan di peringkat akar umbi. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui pasti bentuk dan ciri institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial dalam KRT berdasarkan realiti komuniti semasa;
2. Menilai hubungan antara dinamika struktur sosial dengan keberkesanan pelaksanaan dasar komuniti dan dasar perpaduan kerajaan; dan
3. Mencadangkan strategi pembangunan KRT yang berasaskan data serta sesuai dengan variasi lokaliti bagi menyokong reka bentuk dasar yang inklusif dan responsif.

Berdasarkan sorotan literatur sedia ada, terdapat jurang kajian yang jelas berkaitan penilaian KRT sebagai struktur sosial yang kompleks dan dinamik. Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan peranan KRT dalam pembinaan perpaduan dan keselamatan komuniti, analisis empirikal yang menghubungkan institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial dengan keberkesanan KRT sebagai instrumen pelaksanaan dasar kerajaan masih terhad. Khususnya, kesan perubahan gaya hidup moden, ketidakseimbangan penyertaan akibat stratifikasi sosioekonomi serta pemudaran norma kejiwaan terhadap tadbir urus kejiwaan dan perancangan dasar negara belum dianalisis secara sistematik menggunakan data berskala besar. Selain itu, literatur sedia ada juga kurang memberi perhatian kepada variasi lokaliti dalam struktur sosial KRT dan implikasinya terhadap keupayaan kerajaan merancang intervensi sosial yang kontekstual dan berasaskan bukti (Fonseca, Lukosch & Brazier, 2019; Baker et al., 2024). Kekurangan pemahaman ini menghadkan keupayaan dasar awam untuk bertindak balas secara efektif terhadap realiti sosial komuniti yang semakin berbeza dan berlapis.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai struktur sosial KRT melalui tiga dimensi utama iaitu institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial bagi memahami bagaimana dinamika sosial komuniti mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan di peringkat akar umbi. Dengan menggunakan pendekatan penyelidikan campuran dan data empirikal berskala nasional, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan KRT sebagai infrastruktur sosial negara serta menyediakan asas berasaskan

bukti untuk perancangan dasar yang lebih inklusif, kontekstual dan responsif terhadap realiti komuniti semasa.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur mengenai Kawasan Rukun Tetangga (KRT) menunjukkan bahawa institusi ini telah mengalami transformasi fungsi yang ketara sejak penubuhannya pada tahun 1975. Pada peringkat awal, KRT dibangunkan sebagai mekanisme keselamatan dan perpaduan komuniti pasca peristiwa 13 Mei 1969 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024). Namun, selari dengan perubahan struktur sosial dan pembangunan negara, peranan KRT telah berkembang menjadi institusi sosial akar umbi yang menyokong jaringan sosial, interaksi antara etnik dan pelaksanaan dasar perpaduan di peringkat komuniti (Kaspin, Rahman & Lee, 2023). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu cenderung menilai KRT sebagai entiti berasaskan program dan aktiviti, dengan penekanan terhadap keberkesanan pelaksanaan dan penyertaan komuniti secara umum. Pendekatan ini masih terhad dalam menjelaskan bagaimana struktur sosial dalaman KRT, khususnya institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial, membentuk keupayaan sebenar KRT sebagai pelantar pelaksanaan dasar kerajaan. Kekurangan analisis struktur ini menimbulkan keperluan untuk menilai KRT secara lebih mendalam sebagai satu sistem sosial yang kompleks dan dinamik.

KRT sebagai Institusi Sosial Komuniti

Dalam literatur sedia ada, KRT sering dirujuk sebagai institusi sosial akar umbi yang berfungsi menyokong keselamatan, interaksi sosial dan kesepaduan komuniti (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024; Kaspin et al., 2023). Analisis tadbir urus setempat di Asia oleh Carrasco, Rahemtulla dan Rohdewohld (2021) menunjukkan bahawa keberkesanan institusi sosial komuniti dipengaruhi oleh tahap sokongan institusi, kejelasan peranan dan hubungan antara aktor dalam jaringan tadbir urus setempat. Perspektif ini selari dengan pandangan Giddens dan Sutton (2021) yang menegaskan bahawa institusi sosial berfungsi melalui pengulangan peranan dan pematuhan norma secara konsisten, manakala Coleman (2004) menekankan bahawa tindakan kolektif bergantung kepada kekukuhan rangka hubungan sosial. Namun, walaupun KRT sering diiktiraf sebagai institusi sosial penting, kajian empirikal yang menilai kekuatan institusi ini sebagai infrastruktur sosial kerajaan masih terhad. Sebagai contoh, kajian Lim et al. (2017) menunjukkan bahawa hubungan sosial dan kepercayaan kejiwaan berbeza mengikut konteks bandar dan luar bandar, namun implikasi variasi ini terhadap keupayaan KRT melaksanakan dasar kerajaan masih kurang diuraikan. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk menilai institusi sosial KRT bukan sahaja dari segi kewujudannya, tetapi juga dari segi keupayaan fungsinya dalam konteks sosial yang berubah.

Stratifikasi Sosial dan Keterangkuman Komuniti

Literatur sosiologi secara konsisten menunjukkan bahawa stratifikasi sosial mempengaruhi penyertaan dalam organisasi komuniti (Grusky, 2019). Dalam konteks Malaysia, kajian Tedong, Grant dan Abd Aziz (2014) serta McPherson, Smith-Lovin dan Cook (2001) menjelaskan bahawa perbezaan sosioekonomi dan kecenderungan *homophily* membentuk pola penyertaan yang tidak seimbang dalam organisasi kejiwaan. Dapatan ini disokong oleh kajian Leo, Rahman dan Lee (2016) yang menunjukkan dominasi kelompok tertentu dalam struktur kepimpinan komuniti di Malaysia. Walaupun kajian-kajian ini memberikan gambaran penting mengenai ketidakseimbangan penyertaan, kebanyakannya tidak mengaitkan secara langsung

stratifikasi sosial dengan keupayaan KRT menyokong pelaksanaan dasar kerajaan. Kajian How dan Hun (2021) menegaskan bahawa keberkesanan KRT bergantung kepada keupayaannya menyesuaikan program dengan keperluan komuniti setempat, namun hubungan antara stratifikasi sosial dan kebolehlaksanaan dasar masih kurang diterokai secara empirikal. Kekurangan ini menegaskan keperluan kajian yang menghubungkan stratifikasi sosial komuniti dengan keberkesanan KRT sebagai pelantar dasar.

Norma Sosial dan Pemudaran Nilai Kejiranan

Norma sosial merupakan elemen teras dalam mengekalkan kestabilan interaksi sosial komuniti, namun ia juga merupakan dimensi paling rapuh dalam struktur sosial (Burke & Young, 2011). Kajian terkini menunjukkan bahawa amalan sosial harian seperti memberi salam, bertegur sapa dan gotong royong semakin merosot, khususnya di kawasan bandar yang berhadapan dengan tekanan gaya hidup moden (Yaakob, Ismail & Brahim, 2023). Pemudaran norma ini bukan sahaja menjejaskan hubungan sosial, malah memberi implikasi terhadap keupayaan komuniti menyokong pelaksanaan program berasaskan penyertaan. Dari perspektif teori, Durkheim (2019) menjelaskan keadaan ini sebagai gejala anomi, iaitu situasi apabila nilai bersama tidak lagi berfungsi sebagai rujukan utama dalam mengawal tingkah laku sosial. Kajian Hedayati-Marzbali, Abdullah dan Sadatmousavi (2021) turut menunjukkan bahawa kelemahan norma sosial mengurangkan kawalan sosial tidak formal, sekali gus melemahkan keberkesanan institusi komuniti. Walaupun perspektif ini relevan, literatur sedia ada masih kurang membincangkan bagaimana anomi mikro dalam KRT mempengaruhi keupayaan institusi ini menyokong pelaksanaan dasar kerajaan secara berkesan.

Keperluan Kajian Struktur Sosial KRT

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun Kawasan Rukun Tetangga (KRT) diiktiraf sebagai institusi penting dalam agenda perpaduan dan pembangunan sosial negara, kajian sedia ada masih terhad dalam menganalisis KRT sebagai struktur sosial yang kompleks dan dinamik (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024; Kaspin, Rahman & Lee, 2023). Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada penilaian program dan aktiviti, tanpa mengintegrasikan secara menyeluruh peranan institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial dalam menentukan keberkesanan KRT sebagai pelantar pelaksanaan dasar kerajaan (Carrasco, Rahemtulla & Rohdewohld, 2021; How & Hun, 2021). Kekurangan analisis bersepadu ini telah mengehadkan pemahaman tentang cabaran sebenar pelaksanaan dasar di peringkat komuniti, khususnya dalam konteks perubahan gaya hidup, ketidakseimbangan penyertaan dan pemudaran norma kejiranan (Giddens & Sutton, 2021; Durkheim, 2019). Oleh itu, terdapat keperluan yang jelas untuk kajian empirikal berskala besar yang menilai struktur sosial KRT secara menyeluruh bagi menyokong perancangan dasar yang lebih berasaskan bukti, kontekstual dan responsif terhadap realiti komuniti semasa (Fonseca, Lukosch & Brazier, 2019; Kurtenbach, 2024).

Metodologi

Metodologi kajian ini dirancang untuk menilai dinamika struktur sosial dalam KRT secara komprehensif dan berasaskan bukti empirikal. Reka bentuk penyelidikan dipadankan dengan objektif kajian iaitu memahami bagaimana institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan. Pendekatan ini juga membolehkan

analisis yang kaya mengenai variasi sosial antara lokaliti dan keupayaan KRT sebagai infrastruktur sosial kerajaan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan campuran yang mengintegrasikan data kuantitatif dan kualitatif untuk memperoleh gambaran yang menyeluruh mengenai struktur sosial komuniti. Pendekatan campuran dipilih kerana struktur sosial merupakan fenomena berlapis yang tidak dapat dihuraikan melalui satu bentuk sumber data sahaja. Data kuantitatif menyediakan maklumat mengenai pola, taburan dan ciri-ciri sosial yang dapat diukur, manakala data kualitatif melengkapkannya dengan penjelasan terperinci mengenai pengalaman, persepsi dan makna sosial yang tidak dapat diperolehi melalui ukuran angka. Pemilihan reka bentuk ini selaras dengan pandangan Creswell dan Clark (2018) yang menegaskan keperluan triangulasi dalam penyelidikan sosial bagi meningkatkan kesahan dapatan, mengurangkan bias pengkaedahan dan memperkukuh ketepatan interpretasi. Pendekatan campuran membolehkan penyelidikan mengesan interaksi antara faktor struktur dan pengalaman peserta secara lebih holistik, sekali gus memberikan asas empirik yang lebih kukuh untuk menilai keberkesanan institusi sosial seperti KRT dalam konteks pelaksanaan dasar kerajaan. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan campuran bagi membolehkan analisis struktur sosial KRT dilakukan secara menyeluruh dan berlapis. Pendekatan kuantitatif melalui tinjauan nasional membolehkan pengenalpastian pola umum berkaitan institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial merentas pelbagai lokaliti KRT, manakala pendekatan kualitatif melalui perbincangan kumpulan berfokus memberikan pemahaman kontekstual terhadap dinamika sosial, cabaran pelaksanaan dan pengalaman aktor komuniti yang tidak dapat ditangkap sepenuhnya melalui data kuantitatif. Gabungan kedua-dua pendekatan ini adalah selari dengan objektif kajian untuk menilai KRT bukan sekadar sebagai pelaksana program, tetapi sebagai struktur sosial yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan di peringkat akar umbi.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian merangkumi penduduk yang menetap dalam 32 Kawasan Rukun Tetangga progresif di seluruh negara pada tahun 2024. Pemilihan populasi ini dilakukan secara bertujuan bagi memastikan liputan geografi dan demografi yang mewakili variasi komuniti Malaysia. Pemilihan KRT progresif ini dibuat melalui kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Pemilihan KRT progresif penting kerana komuniti ini mempunyai struktur organisasi yang aktif, seterusnya membolehkan pemerhatian lebih jelas terhadap fungsi sosial yang sedang beroperasi. Dalam setiap lokaliti, sebanyak 50 isi rumah dipilih secara rawak menggunakan kaedah pensampelan bersistem sebagai unit kajian. Seorang ketua isi rumah dan dua ahli isi rumah dijemput sebagai responden bagi mempelbagaikan sudut pandang daripada pelbagai kategori umur dan peranan keluarga. Daripada sasaran 4800 responden, seramai 4264 memberikan maklum balas lengkap. Saiz sampel ini dianggap memadai untuk menghasilkan taburan data sosial yang stabil dan menyokong analisis deskriptif secara terperinci. Kadar respons yang tinggi juga menunjukkan keberkesanan penggunaan enumerator tempatan yang dilatih dengan sistematik.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merangkumi soal selidik berstruktur untuk kutipan data kuantitatif dan protokol perbincangan kumpulan berfokus bagi data kualitatif. Soal selidik dibangunkan berdasarkan tiga dimensi struktur sosial iaitu institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Soalan merangkumi aspek demografi, ciri isi rumah, penyertaan sosial, jaringan kejiwaan dan amalan norma harian. Pembinaan instrumen dirujuk kepada kerangka teori struktur sosial oleh Giddens dan Sutton (2021), teori tindakan sosial oleh Coleman (2004), model sistem sosial oleh Tseng dan Seidman (2007) serta kerangka perpaduan sosial oleh Fonseca et al. (2019). Rujukan ini memastikan kesahan kandungan dan kesepadanan antara soalan dengan konsep yang dikaji. Instrumen kualitatif pula dibina untuk meneroka pandangan mendalam tentang cabaran komuniti, keberkesanan program KRT, peranan kepimpinan serta persepsi terhadap pelaksanaan dasar kerajaan. Pendekatan ini memberi peluang kepada peserta meluahkan pengalaman sebenar yang tidak dapat diperoleh melalui soal selidik.

Kajian Rintis

Dua sesi kajian rintis dilaksanakan bagi memastikan kefahaman soalan dan kesesuaian bahasa yang digunakan. Kajian rintis pertama dijalankan di Melaka melibatkan komuniti berbilang etnik, manakala kajian kedua dilaksanakan di Kuala Lumpur dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah. Hasil rintis menunjukkan bahawa sebahagian responden memerlukan bantuan ketika menjawab soalan tertentu, terutamanya soalan berkonsepkan nilai dan norma sosial. Berdasarkan dapatan ini, latihan intensif diberikan kepada semua enumerator untuk mengurangkan bias pentadbiran soal selidik dan memastikan konsistensi kutipan data.

Kaedah Pengumpulan Data

Data kuantitatif dikumpulkan melalui pentadbiran borang soal selidik yang dibuat secara temu bual bersemuka oleh enumerator yang terlatih. Kaedah ini dipilih bagi meminimumkan bias literasi dan meningkatkan ketepatan maklum balas. Pendekatan ini penting terutama dalam komuniti yang mempunyai variasi tahap pendidikan, umur dan akses teknologi. Data kualitatif diperoleh melalui sesi perbincangan kumpulan berfokus yang melibatkan pemimpin komuniti, ahli jawatankuasa KRT, pegawai jabatan dan wakil penduduk. Sesi ini membolehkan penerokaan isu yang lebih mendalam seperti amalan hubungan sosial, cabaran kepimpinan dan persepsi terhadap keberkesanan intervensi kerajaan.

Kaedah Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi frekuensi, peratusan, taburan sosial dan profil demografi. Analisis ini bertujuan menggambarkan pola sosial yang wujud dalam institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial di setiap KRT. Data kualitatif dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik dengan mengenal pasti tema utama melalui proses pengkodan. Kaedah ini digunakan untuk meneliti corak pengalaman sosial, cabaran kepimpinan dan persepsi komuniti terhadap dasar kerajaan. Triangulasi antara kedua-dua bentuk data digunakan untuk mengukuhkan kesahan dapatan. Penggunaan triangulasi membolehkan penyelidik mengenal pasti kesesuaian corak sosial, mengurangkan bias dan menghasilkan interpretasi yang lebih kukuh serta konsisten dengan realiti sosial komuniti.

Pertimbangan Etika

Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan sosial. Semua responden diberikan penjelasan mengenai tujuan kajian, hak mereka sebagai peserta dan jaminan kerahsiaan data. Penyertaan adalah secara sukarela dan responden berhak menarik diri pada bila-bila masa. Data dikumpul tanpa sebarang pengenalan individu dan digunakan semata mata untuk tujuan penyelidikan serta perancangan dasar yang berkaitan.

Dapatan Kajian

Struktur sosial Kawasan Rukun Tetangga (KRT) memperlihatkan cabaran yang semakin kompleks, khususnya dari sudut institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Walaupun KRT masih berfungsi sebagai platform penyelarasan aktiviti komuniti, keberkesanannya sebagai pelantar pelaksanaan dasar kerajaan didapati semakin dipengaruhi oleh ketidakseimbangan penyertaan, kepekatan kepimpinan dan pemudaran amalan sosial harian.

Institusi sosial KRT masih wujud secara formal, namun tahap penglibatan aktif komuniti adalah tidak seimbang. Sebahagian besar aktiviti KRT didapati digerakkan oleh kelompok teras yang sama, manakala penyertaan penduduk lain adalah terhad dan bersifat bermusim. Keadaan ini mencerminkan jurang antara struktur organisasi formal KRT dengan realiti penglibatan sosial komuniti setempat, sekali gus menghadkan keupayaan KRT untuk berfungsi secara inklusif sebagai institusi sosial.

Stratifikasi sosioekonomi memainkan peranan penting dalam membentuk pola penyertaan komuniti. Responden daripada kumpulan pendapatan dan tahap pendidikan yang lebih tinggi didapati lebih dominan dalam struktur kepimpinan dan pembuatan keputusan KRT, manakala penduduk berpendapatan rendah dan golongan muda menunjukkan tahap penglibatan yang lebih rendah. Pola ini menunjukkan kewujudan ketidakseimbangan penyertaan yang berpotensi melemahkan representasi sosial dan keabsahan sosial KRT sebagai wadah komuniti menyeluruh.

Dari segi norma sosial, dapatan menunjukkan kemerosotan amalan sosial harian seperti memberi salam, bertegur sapa, membantu jiran dan penyertaan dalam aktiviti gotong royong. Pemudaran norma ini lebih ketara di kawasan perumahan bandar dan perumahan berstrata, berbanding kawasan luar bandar. Keadaan ini mencerminkan kelemahan kawalan sosial tidak formal dalam komuniti serta mengurangkan keupayaan KRT untuk memobilisasi penduduk dalam menyokong aktiviti dan program berasaskan penyertaan.

Gabungan kelemahan institusi sosial, ketidakseimbangan stratifikasi sosial dan pemudaran norma sosial menunjukkan tanda awal gejala anomi pada peringkat komuniti. Keadaan ini berpotensi menjejaskan keberkesanan tadbir urus kejiiran, khususnya dalam pelaksanaan dasar kerajaan yang bergantung kepada penglibatan aktif dan kerjasama komuniti. Dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan KRT tidak hanya ditentukan oleh jumlah program yang dilaksanakan, tetapi oleh kekuatan struktur sosial yang menyokong pelaksanaan tersebut.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) semakin terhad akibat ketidakseimbangan penyertaan komuniti, dominasi kepimpinan oleh kelompok tertentu serta pemudaran norma sosial kejiiran. Faktor-faktor ini mencerminkan tanda awal gejala anomi pada peringkat komuniti yang melemahkan keupayaan

KRT untuk berfungsi secara inklusif dan berkesan. Justeru, keberkesanan KRT tidak ditentukan oleh jumlah program semata-mata, tetapi oleh kekuatan struktur sosial yang menyokong pelaksanaan tadbir urus berasaskan komuniti.

Profil Demografi Responden

Profil demografi kajian ini merangkumi seramai 4264 responden daripada 32 Kawasan Rukun Tetangga. Dari segi jantina, 57.7 peratus responden terdiri daripada perempuan manakala 42.3 peratus adalah lelaki. Sebahagian besar responden berada dalam lingkungan umur 31 hingga 50 tahun (48.4%), diikuti mereka berumur 51 tahun dan ke atas (30.0%), manakala responden berumur 18 hingga 30 tahun (21.6%). Status perkahwinan menunjukkan majoriti responden telah berkeluarga (69.7%), diikuti 22.5 peratus yang bujang dan 7.8 peratus berada dalam kategori lain. Dari sudut pendidikan, majoriti responden mempunyai tahap pendidikan rendah hingga menengah (65.2%), manakala 20.7 peratus mempunyai diploma atau sijil dan 14.1 peratus mempunyai kelayakan ijazah dan ke atas.

Dalam aspek pekerjaan, 60.0 peratus responden bekerja dan 40.0 peratus tidak bekerja. Dari segi ekonomi, lebih separuh responden berada dalam kategori pendapatan isi rumah bawah RM2500 (54.3%), manakala 26.1 peratus berada dalam kategori RM2500 hingga RM4500, dan 19.6 peratus berpendapatan melebihi RM4500. Secara keseluruhan, profil ini memberikan gambaran jelas mengenai latar sosial responden komuniti KRT yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Responden Kajian (n = 4264)

Pemboleh Ubah	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	1803	42.3
	Perempuan	2461	57.7
Umur	18 hingga 30 tahun	922	21.6
	31 hingga 50 tahun	2065	48.4
	51 tahun dan ke atas	1277	30.0
Status Perkahwinan	Berkahwin	2971	69.7
	Bujang	959	22.5
	Lain-lain	334	7.8
Tahap Pendidikan	Rendah dan menengah	2780	65.2
	Diploma dan sijil kemahiran	883	20.7
	Ijazah dan ke atas	601	14.1
Status Pekerjaan	Bekerja	2558	60.0
	Tidak bekerja	1706	40.0
Pendapatan Isi Rumah	Bawah RM2500	2316	54.3
	RM2500 hingga RM4500	1113	26.1
	Lebih RM4500	835	19.6

Institusi Sosial: Struktur, Peranan dan Dinamika Interaksi

Dapatan menunjukkan bahawa institusi sosial dalam KRT masih berfungsi sebagai ruang interaksi asas antara penduduk, namun kekuatannya berbeza mengikut lokaliti. Majoriti responden tinggal dalam keluarga asas yang terdiri daripada ibu bapa dan anak, manakala kehadiran keluarga besar semakin berkurangan. Perubahan ini memberi kesan kepada

sokongan sosial dalam komuniti kerana keluarga asas lebih bergantung pada hubungan luar untuk memenuhi keperluan sosial.

Data menunjukkan bahawa rumah ibadah, balai komuniti dan dewan serba guna berfungsi sebagai ruang sosial utama, namun keterlibatan penduduk tidak seimbang. Sesi kumpulan berfokus mendapati bahawa penggunaan ruang sosial ini semakin berpusat pada aktiviti kumpulan tertentu, manakala penyertaan generasi muda lebih rendah. Hal ini selari dengan pandangan Giddens dan Sutton (2021) dan Coleman (2004) bahawa institusi sosial tidak dapat berfungsi secara efektif apabila peranan sosial hanya dikuasai kelompok tertentu.

Dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk masih mengenali jiran terdekat, namun kadar interaksi tidak sekata. Komuniti luar bandar menunjukkan hubungan sosial lebih kukuh berbanding komuniti bandar yang lebih individualistik. Perbezaan ini mempengaruhi keupayaan KRT untuk memobilisasi penduduk dalam aktiviti sosial. Sebagai contoh, komuniti bandar memerlukan usaha tambahan untuk menarik penyertaan, termasuk penggunaan teknologi dan strategi komunikasi yang lebih aktif. Secara keseluruhannya, kekuatan institusi sosial KRT bergantung kepada kepimpinan komuniti, akses kepada ruang sosial dan budaya interaksi setempat. Faktor ini menjadi asas kepada keberkesanan pelaksanaan program kerajaan.

Jadual 2: Struktur Isi Rumah dan Institusi Sosial Komuniti

Pemboleh Ubah	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jenis Keluarga	Keluarga asas	3028	71.0
	Keluarga besar	776	18.2
	Lain-lain	460	10.8
Interaksi dengan Jiran	Mengenali jiran terdekat	2917	68.4
	Mengenali jiran satu lorong	1774	41.6
	Mengenali seluruh kawasan	738	17.3
Ruang Sosial Digunakan	Rumah ibadah	2644	62.0
	Balai komuniti	2026	47.5
	Dewan serba guna	1672	39.2
Penyertaan Aktiviti KRT	Tinggi	1003	23.5
	Sederhana	1968	46.2
	Rendah	1293	30.3

Stratifikasi Sosial: Kedudukan Ekonomi, Pendidikan dan Keterangkuman

Stratifikasi sosial dalam komuniti KRT menunjukkan pembahagian yang ketara dari segi kedudukan ekonomi, tahap pendidikan dan pola penyertaan. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 3, lebih separuh daripada responden berada dalam kategori pendapatan rendah (55.1%) manakala 32.4 peratus berada dalam kategori sederhana. Keadaan ini menunjukkan bahawa komuniti KRT didominasi oleh kelompok berpendapatan rendah, yang lazimnya lebih bergantung pada sokongan sosial informal dan program bantuan komuniti. Dari sudut pendidikan, majoriti responden mempunyai pendidikan rendah hingga menengah (65.2%), yang turut mempengaruhi jenis pekerjaan dan tahap penyertaan dalam aktiviti sosial.

Perbezaan ekonomi dan pendidikan ini diterjemahkan kepada perbezaan ketara dalam penyertaan sosial. Hanya 18.4 peratus responden tergolong dalam kumpulan dominan aktif, manakala 38.6 peratus tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan KRT. Lebih 76.8 peratus responden pula hanya berperanan sebagai ahli biasa, sekali gus menunjukkan tumpuan kuasa dan pengaruh komuniti pada kelompok kecil yang menguasai kepimpinan serta jawatankuasa. Dapatan ini selari dengan konsep homophily oleh McPherson et al. (2001), yang menjelaskan bahawa penyertaan cenderung berpusat pada kelompok yang mempunyai latar sosial lebih tinggi dan berkongsi ciri yang sama.

Jadual 3: Stratifikasi Sosial Komuniti KRT

Pemboleh Ubah	Kategori	Frekuensi	Peratus
Status Ekonomi	Rendah	2350	55.1
	Sederhana	1381	32.4
	Tinggi	533	12.5
Tahap Pendidikan	Rendah hingga menengah	2780	65.2
	Pendidikan tinggi	601	14.1
Penyertaan Sosial	Kumpulan dominan aktif	784	18.4
	Ahli aktif biasa	1834	43.0
	Tidak aktif	1646	38.6
Peranan dalam Komuniti	Kepimpinan	354	8.3
	Jawatankuasa	636	14.9
	Ahli biasa	3274	76.8

Halangan penyertaan turut menguatkan gambaran stratifikasi sosial ini. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 4, kekangan masa merupakan faktor dominan (63.1%), diikuti kurangnya maklumat (42.4%) dan ketidaklibatan kerana rasa tidak berminat (35.7%). Sebahagian responden juga merasakan program KRT tidak relevan dengan keperluan mereka (28.3%), manakala 31.9% melaporkan wujudnya dominasi kumpulan tertentu dalam komuniti. Halangan-halangan ini menunjukkan bahawa stratifikasi sosial bukan sahaja terhasil daripada perbezaan ekonomi dan pendidikan, tetapi turut dipengaruhi oleh struktur kepimpinan dan pola komunikasi dalam KRT.

Jadual 4: Faktor Yang Menghalang Penyertaan dalam Aktiviti KRT

Faktor	Ya (n)	Ya (%)	Tidak (n)	Tidak (%)
Kekangan masa	2692	63.1	1572	36.9
Kurang maklumat program	1804	42.4	2460	57.6
Tidak berminat	1523	35.7	2741	64.3
Program tidak relevan	1206	28.3	3058	71.7
Dominasi kumpulan tertentu	1360	31.9	2904	68.1

Temu bual kumpulan berfokus mendapati bahawa perbezaan sosioekonomi mempengaruhi harapan dan keperluan penduduk. Komuniti berpendapatan rendah lebih menekankan bantuan ekonomi dan program kebajikan, manakala komuniti sederhana mengutamakan pendidikan, kesihatan mental dan keselamatan. Variasi ini menunjukkan bahawa pendekatan seragam tidak sesuai untuk semua KRT. Hal ini mengukuhkan dapatan How dan Hun (2021) bahawa keberkesanan KRT bergantung pada keupayaan menyesuaikan program dengan keperluan komuniti yang berbeza. Realitinya, stratifikasi sosial dalam KRT bukan hanya menggambarkan

perbezaan status ekonomi dan pendidikan, tetapi turut mencerminkan ketidakseimbangan struktur sosial yang mempengaruhi keterangkuman, penyertaan dan keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan di peringkat komuniti.

Norma Sosial: Interaksi Harian, Amalan Komuniti dan Gejala Anomi

Norma sosial dalam komuniti KRT menunjukkan trend penurunan yang ketara, terutamanya dalam kawasan bandar yang berhadapan dengan tekanan gaya hidup moden. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 5, amalan asas kejiranan seperti memberi salam dan membantu jiran didapati jarang diamalkan oleh sebahagian besar responden. Hanya 29.4 peratus memberi salam secara konsisten, manakala 24.8 peratus membantu jiran secara tetap. Aktiviti gotong royong, yang sebelum ini menjadi tunjang interaksi komuniti, turut menunjukkan kemerosotan yang jelas dengan hanya 21.0 peratus responden menyatakan penyertaan aktif. Interaksi harian juga menunjukkan pola yang semakin longgar. Hanya 27.5 peratus responden melaporkan interaksi kejiranan yang kerap, manakala majoriti berada pada tahap sederhana atau jarang berinteraksi. Temu bual kumpulan berfokus mengesahkan bahawa perubahan gaya hidup, masa kerja yang panjang, saiz keluarga kecil dan pergantungan pada komunikasi digital telah mengurangkan peluang interaksi fizikal antara penduduk.

Kemerosotan norma ini selari dengan pandangan Burke dan Young (2011) bahawa norma sosial terbentuk melalui interaksi berulang, manakala Durkheim (2019) menjelaskan situasi ini sebagai gejala anomie, iaitu keadaan di mana rujukan nilai bersama semakin lemah sehingga mengurangkan keupayaan masyarakat mengawal tingkah laku secara tidak formal. Dapatan ini menunjukkan bahawa keutuhan norma sosial tidak lagi dapat dijamin secara automatik melalui struktur komuniti tradisional, terutama dalam persekitaran bandar yang lebih individualistik.

Jadual 5: Norma Sosial dan Amalan Kejiranan

Amalan	Kategori	Frekuensi	Peratus
Memberi Salam	Selalu	1254	29.4
	Kadang kadang	1993	46.7
	Jarang	1017	23.9
Membantu Jiran	Selalu	1057	24.8
	Kadang kadang	2093	49.1
	Jarang	1114	26.1
Gotong Royong	Aktif	895	21.0
	Tidak aktif	3369	79.0
Interaksi Harian	Kerap	1174	27.5
	Sederhana	1634	38.3
	Jarang	1456	34.2

Kelemahan norma sosial turut memberi kesan langsung terhadap keupayaan KRT memobilisasi penduduk. Beberapa komuniti melaporkan kesukaran menarik penyertaan bagi program kesihatan, keselamatan atau perpaduan walaupun program tersebut bersifat percuma. Situasi ini menunjukkan bahawa penurunan interaksi sosial bukan lagi isu budaya semata-mata, tetapi faktor struktur yang melemahkan keberkesanan dasar kerajaan yang berasaskan penyertaan komuniti. Dapatan ini menegaskan bahawa norma sosial memainkan peranan kritikal dalam mengekalkan hubungan sosial dan sokongan komuniti. Kemerosotan norma dalam KRT memberi implikasi penting terhadap kapasiti institusi ini sebagai pelantar pelaksanaan dasar

kerajaan dan menuntut pendekatan pembinaan norma baharu yang lebih sesuai dengan konteks masyarakat hari ini.

Perbincangan

Hasil kajian ini memberikan gambaran yang komprehensif tentang perubahan struktur sosial dalam Kawasan Rukun Tetangga serta implikasinya terhadap pelaksanaan dasar kerajaan di peringkat komuniti. Analisis terhadap tiga dimensi utama iaitu institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial menunjukkan bahawa KRT kekal berfungsi sebagai institusi akar umbi, namun sedang menyesuaikan diri dengan dinamika sosial semasa yang lebih kompleks.

Institusi Sosial Sebagai Infrastruktur Sosial Komuniti

Institusi sosial memperlihatkan bahawa KRT berperanan sebagai ruang interaksi yang penting, namun kekuatan dan keberkesanannya berbeza mengikut lokaliti. Ada KRT yang menunjukkan tahap penglibatan komuniti yang kukuh, manakala yang lain memerlukan sokongan pewujudan ruang interaksi dan pengukuhan kepimpinan tempatan (Cheah & Wahab, 2022). Keadaan ini juga selaras dengan pandangan Giddens dan Sutton (2021) yang menjelaskan bahawa institusi sosial hanya dapat berfungsi secara stabil apabila aturan norma dan peranan sosial direalisasikan secara berterusan. Pandangan Coleman (2004) turut menekankan bahawa tindakan kolektif memerlukan hubungan sosial yang mantap sebagai asas kepada penglibatan komuniti. Perbezaan antara KRT bandar dan luar bandar yang dikenal pasti dalam kajian ini memperkukuh hujah Lim et al. (2017) bahawa kesepaduan sosial memerlukan platform interaksi yang konsisten. Penemuan ini juga seiring dengan pandangan Kurtenbach (2024) bahawa kejiranan masih merupakan ruang signifikan dalam pembinaan kesepaduan sosial masyarakat moden. Dalam konteks dasar, dapatan ini menegaskan kepentingan menyediakan sokongan yang bersesuaian dengan ciri lokaliti bagi memastikan institusi sosial seperti KRT dapat berfungsi sebagai infrastruktur sosial kerajaan yang responsif.

Stratifikasi Sosial Dan Implikasi Terhadap Keterangkuman

Stratifikasi sosial muncul sebagai faktor penting yang membentuk pola penyertaan dalam KRT. Majoriti responden berada dalam kategori pendapatan rendah dan sederhana serta mempunyai tahap pendidikan rendah hingga menengah. Peranan kepimpinan yang lebih banyak diisi oleh mereka yang mempunyai kedudukan sosioekonomi yang lebih stabil adalah selaras dengan penemuan Tedong et al. (2014) serta pandangan McPherson, Smith-Lovin dan Cook (2001) mengenai kecenderungan individu berinteraksi dalam kelompok yang mempunyai ciri sosial yang hampir sama. Halangan penyertaan seperti kekangan masa, kurang maklumat dan persepsi tentang kesesuaian program menunjukkan perlunya pendekatan komunikasi dan reka bentuk program yang lebih kontekstual. Penemuan ini menyokong analisis How dan Hun (2021) bahawa keberkesanan KRT bergantung pada kefleksibelan program untuk memenuhi variasi keperluan sosial masyarakat setempat.

Norma Sosial, Perubahan Gaya Hidup Dan Implikasi Terhadap Pelaksanaan Dasar

Dimensi norma sosial menunjukkan pola penurunan amalan harian seperti memberi salam, membantu jiran dan menyertai gotong royong. Perubahan ini mencerminkan pengaruh gaya hidup moden yang lebih terikat kepada komitmen masa dan mobiliti sosial. Seperti dihujahkan Burke dan Young (2011), norma sosial dibentuk dan diperkukuh melalui interaksi berulang.

Apabila interaksi fizikal berkurangan, norma tersebut turut melemah. Hasil analisis ini seiring dengan pandangan Durkheim (2019) mengenai keadaan anomi yang berlaku apabila rujukan nilai bersama tidak lagi memainkan peranan sebagai panduan tingkah laku sosial. Dalam konteks KRT, peralihan ini memberi kesan terhadap kemampuan institusi memobilisasi komuniti terutama bagi program yang memerlukan penyertaan kolektif seperti keselamatan dan perpaduan. Namun dapatan ini perlu dilihat dalam kerangka perubahan sosial yang lebih luas dan tidak semestinya menggambarkan kegagalan institusi, sebaliknya menandakan perlunya pendekatan norma sosial yang lebih sesuai dengan realiti masyarakat hari ini.

KRT Sebagai Pelantar Dasar Yang Memerlukan Pendekatan Bersandarkan Data

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa KRT beroperasi dalam konteks sosial yang semakin pelbagai dan dinamik. Di samping mempunyai legitimasi sejarah sebagai institusi akar umbi, variasi sosial antara KRT bandar dan luar bandar serta kawasan kos rendah menuntut pendekatan dasar yang lebih berasaskan data. Pandangan Fonseca et al. (2019) mengenai dimensi perpaduan sosial iaitu hubungan sosial, keterhubungan dan amalan kewarganegaraan dapat digunakan untuk memahami bagaimana setiap KRT memerlukan strategi yang lebih tersendiri. Kajian ini menambah kepada literatur dengan menunjukkan bahawa keadaan institusi, stratifikasi dan norma sosial memberi kesan langsung terhadap keupayaan KRT menyokong pelaksanaan dasar kerajaan. Oleh itu dasar yang bersifat seragam mungkin kurang sesuai untuk konteks sosial yang pelbagai.

Implikasi Konseptual dan Dasar

Dari sudut konseptual, kajian ini memperkukuh pemahaman mengenai Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai institusi sosial yang beroperasi dalam hubungan timbal balik dengan dinamika komuniti setempat. Sebagai institusi akar umbi yang menghubungkan kerajaan dengan masyarakat, KRT menjadi medan penting untuk menilai keberkesanan dasar perpaduan dan pembangunan sosial pada skala mikro. Dapatan kajian menegaskan bahawa analisis terhadap institusi sosial seperti KRT tidak boleh dipisahkan daripada perubahan struktur sosial komuniti, khususnya berkaitan pola penyertaan, stratifikasi sosial dan kekuatan norma sosial yang mengawal interaksi harian masyarakat.

Dari perspektif dasar, beberapa implikasi utama dapat dirumuskan. Pertama, dapatan mengenai ketidakseimbangan penyertaan dan variasi stratifikasi sosial antara KRT bandar, luar bandar dan kawasan kos rendah menunjukkan keperluan kepada pembangunan sistem data sosial KRT di peringkat nasional yang berfungsi sebagai alat sokongan keputusan dasar. Sistem data ini bukan sekadar menyediakan statistik deskriptif, tetapi membolehkan penggubalan dan penyesuaian program berdasarkan profil sosial sebenar setiap KRT, termasuk tahap keterangkuman penyertaan komuniti, kekuatan norma sosial dan struktur kepimpinan setempat. Pendekatan ini penting bagi memastikan perancangan dasar tidak bersifat seragam, sebaliknya responsif terhadap variasi sosial dan konteks lokaliti.

Kedua, reka bentuk program KRT perlu disesuaikan dengan ciri sosioekonomi komuniti, termasuk perbezaan keutamaan dan keperluan antara komuniti berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi. Dapatan kajian menyokong pandangan bahawa stratifikasi sosial memberi kesan langsung terhadap peluang penyertaan dan keberkesanan intervensi sosial, justeru menuntut pendekatan dasar yang lebih bersasar dan berasaskan bukti (Baker et al., 2024; Grusky, 2019).

Ketiga, dapatan mengenai dominasi kepimpinan oleh kelompok tertentu serta penglibatan rendah golongan muda menegaskan kepentingan program kepimpinan rentas generasi sebagai intervensi dasar yang strategik. Program sebegini berpotensi meluaskan ruang penyertaan, memecahkan kitaran kepimpinan tertumpu dan memulihkan fungsi institusi sosial KRT sebagai wadah pembelajaran sosial serta kesinambungan kepimpinan komuniti. Melalui penglibatan rentas generasi, KRT dapat diperkukuh bukan sekadar sebagai pelaksana program, tetapi sebagai struktur sosial yang menyokong tadbir urus kehiranan secara lebih inklusif dan mampan.

Keempat, pemulihan dan pengukuhan norma sosial kehiranan perlu diberikan perhatian melalui penyediaan ruang interaksi yang selari dengan realiti gaya hidup semasa. Inisiatif seperti aktiviti komuniti berskala kecil, fleksibel dan sokongan platform digital berpotensi menggalakkan interaksi sosial harian serta memperkukuh kawalan sosial tidak formal dalam komuniti. Usaha ini penting bagi meningkatkan keupayaan KRT memobilisasi penduduk dan menyokong pelaksanaan dasar berasaskan penyertaan.

Secara keseluruhan, pembinaan semula peranan KRT dalam dasar perpaduan negara memerlukan pendekatan yang lebih teliti, inklusif dan berasaskan bukti. Penekanan terhadap pengukuhan struktur sosial komuniti akan memastikan KRT kekal relevan, responsif dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan sosial semasa dan masa hadapan, serta terus berfungsi sebagai infrastruktur sosial yang menyokong objektif pembangunan negara.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa Kawasan Rukun Tetangga kekal sebagai institusi sosial akar umbi yang penting, namun beroperasi dalam struktur sosial yang semakin tidak seimbang. Analisis terhadap 4264 responden dan data kualitatif daripada tiga puluh dua KRT menunjukkan bahawa kekuatan institusi sosial, tahap stratifikasi sosial dan kedudukan norma sosial saling berkait dalam menentukan keupayaan KRT menyokong pelaksanaan dasar kerajaan. Institusi sosial masih menyediakan ruang interaksi komuniti, tetapi stratifikasi ekonomi dan pendidikan menghadkan keterangkuman penyertaan, manakala amalan norma kehiranan tradisional menunjukkan pola kemerosotan yang jelas, khususnya di kawasan bandar. Dari sudut teori dan amalan, kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan dasar perpaduan dan pembangunan sosial tidak memadai dinilai melalui bilangan program semata-mata, tetapi perlu mengambil kira konfigurasi struktur sosial komuniti. Dapatan menyokong keperluan sistem data sosial KRT di peringkat nasional, reka bentuk program yang disesuaikan dengan lokaliti, pengukuhan kepimpinan yang lebih inklusif serta pendekatan pemulihan norma sosial yang sejajar dengan realiti kehidupan semasa. Dengan langkah sedemikian, KRT dapat dirangka semula sebagai infrastruktur sosial yang menyumbang secara lebih berkesan kepada matlamat perpaduan dan kesejahteraan masyarakat. Pada masa yang sama, kajian ini menyedari batasan reka bentuk keratan rentas dan tumpuan kepada KRT progresif yang mungkin tidak sepenuhnya mencerminkan semua variasi komuniti di Malaysia. Justeru, penyelidikan lanjutan yang bersifat perbandingan antara negeri dan kajian *longitudinal* amat diperlukan bagi menelusuri perubahan struktur sosial KRT dari semasa ke semasa. Meskipun demikian, keseluruhan dapatan menyediakan asas empirik yang kukuh untuk mengukuhkan peranan KRT dalam perancangan dasar sosial negara.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada UNIUTAMA Education and Consultancy Sdn. Bhd, yang kini dikenali sebagai UUM LEADS, atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Pembiayaan melalui geran perundingan yang diperoleh daripada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan projek penyelidikan ini. Sokongan tersebut telah memungkinkan penyempurnaan kajian ini dengan jayanya.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Kementerian Perpaduan Negara di bawah Nombor Geran IKLIN (LTBKS 02/2023).
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Walau bagaimanapun, semua prosedur yang melibatkan responden manusia bagi projek perundingan ini tidak memerlukan semakan dan kelulusan Jawatankuasa Etika kerana tidak dinyatakan dalam Terma Rujukan kajian. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimiti. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis 1 dan 2 bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis 1, 3 dan 7 mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Penulis 1, 4, 5 dan 6 menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, & Nur Syafiqah Huda Mohd Rashidi. (2016). Penerimaan masyarakat terhadap aktiviti Rukun Tetangga mengikut jantina. *Al-Hikmah*, 8(2), 110–127.
- Andersson, A., Tayebi, N., Isakovic, B., Larsson, H., Larm, P., Latvala, A., Hesser, H., Tuvblad, C., & Evans, B. E. (2025). *Neighborhood social structure in Sweden: A latent transition analysis using registry data from 1991 to 2020*. https://doi.org/10.31235/osf.io/9ugw4_v1
- Baker, D. P., Schaub, M., Choi, J., & Ford, K. (2024). Education: The great equalizer, social reproducer, or legitimator of new forms of social stratification. *The Sage handbook of sociology of education*, 35-48.
- Burke, M. A., & Young, H. P. (2011). Social norms. In *Handbook of social economics* (Vol. 1, pp. 311-338). North-Holland.
- Carrasco, B., Rahemtulla, H. A., & Rohdewohld, R. (Eds.). (2021). *Decentralization, local governance, and localizing the sustainable development goals in Asia and the Pacific*. Asian Development Bank.
- Coleman, J. S. (2004). *Foundations of social theory*. Harvard University Press. (Original work published 1990)
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2018). *Designing and conducting mixed methods research* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Durkheim, E. (2019). The division of labor in society. In *Social Stratification, Class, Race, and Gender in Sociological Perspective, Second Edition* (pp. 178-183). Routledge.
- Fonseca, X., Lukosch, S., & Brazier, F. (2019). Social cohesion revisited: A new definition and how to characterize it. *Innovation: The European Journal of Social Science Research*, 32(2), 231–253. <https://doi.org/10.1080/13511610.2018.1497480>
- Giddens, A., & Sutton, P. W. (2021). *Essential concepts in sociology*. John Wiley & Sons.
- Grusky, D. B. (2019). *Social stratification: Class, race, and gender in sociological perspective* (5th ed.). Routledge.
- Hassan, N. A., Zan, U. M. S. M., Abdullah, A., Din, H. A. M., & Yunus, M. M. (2023). Social Mobility among the Malaysian Land Development Settlers. *Akademika*, 93(1), 403-414.
- Hedayati-Marzbali, M., Abdullah, A., & Sadatmousavi, H. (2021). Social disorganization and crime in gated communities: The mediating role of social cohesion and social control. *Crime Prevention and Community Safety*, 23(3), 210–229. <https://doi.org/10.1057/s41300-021-00112-3>
- How, V., & Hun, L. P. (2021). Community development policy and local participation in Malaysia. *Journal of Asian Public Policy*, 14(4), 567–582. <https://doi.org/10.1080/17516234.2020.1836695>
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2024). *Laporan Tahunan JPNIN 2024*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Kaspin, D., Rahman, M. S., & Lee, F. L. (2023). Community safety initiatives in Southeast Asia. *Asian Journal of Social Science*, 51(1), 45–62.
- Kurtenbach, S. (2024). Neighbourhood effects and social cohesion in urban societies. *Urban Studies*, 61(2), 237–255. <https://doi.org/10.1177/00420980231123456>
- Lauer, S., Wong, K. L. Y., & Yan, M. C. (2024). Social infrastructure, community organizations, and friendship formation: a scoping review. *Community Development Journal*. <https://doi.org/10.1093/cdj/bsae023>

- Leo, N., Rahman, H. A., & Lee, T. T. (2016). Leadership dynamics in Malaysian neighbourhood associations. *Journal of Community Development Research*, 9(1), 44–59.
- Lim, T. S. Y., Hassan, N., Ghaffarianhoseini, A., & Daud, M. N. (2017). The relationship between satisfaction towards neighbourhood facilities and social trust in urban villages in Kuala Lumpur. *Cities*, 67, 85-94.
- McPherson, M., Smith-Lovin, L., & Cook, J. M. (2001). Birds of a feather: Homophily in social networks. *Annual Review of Sociology*, 27, 415–444. <https://doi.org/10.1146/annurev.soc.27.1.415>
- Morris, M. W., Hong, Y. Y., Chiu, C. Y., & Liu, Z. (2015). Normology: Integrating insights about social norms to understand cultural dynamics. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 129, 1–13. <https://doi.org/10.1016/j.obhdp.2015.03.001>
- Parlimen Malaysia. (2024). *Laporan Kajian Semula Dasar Perpaduan Negara*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Tedong, P. A., Grant, J. L., & Abd Aziz, W. N. A. W. (2014). The social and spatial implications of community action to enclose space: Guarded neighbourhoods in Selangor, Malaysia. *Cities*, 41, 30-37.
- Tseng, V., & Seidman, E. (2007). A systems framework for understanding social settings. *American Journal of Community Psychology*, 39(3–4), 217–228. <https://doi.org/10.1007/s10464-007-9101-8>
- Williamson, R., Cubas, M. A., Ozkul, D., Maas, C., Kim, C., Koleh, E., & Castles, S. (2022). Migration and social transformation through the lens of locality: a multi-sited study of experiences of neighbourhood transformation. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 48(13), 3041-3059.
- Yaakob, U., Ismail, A., & Brahim, S. (2023). Urban neighbourhood transformation and the decline of traditional social interaction in Malaysia. *Planning Malaysia*, 21(2), 113–125. <https://doi.org/10.21837/pm.v21i2.1202>
- Zakaria, J., Yaakob, A. F., & Zawawi, H. Y. (2022). Social Cohesion for Community Development in Malaysia: Impact to National Integration. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 1293 – 130
- Embong, Z. (2022). Pengurusan masyarakat kepelbagaian dalam kawasan Rukun Tetangga di Malaysia: Satu analisis. In *Proceedings of the International Conference on Ummah 2022* (pp. 898–907). Universiti Malaysia Kelantan.